



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KEBERKESANAN MODUL DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN
IMBUHAN meN DAN peN DALAM KALANGAN MURID SJKC***

OOI CHWEE HWA

FBMK 2018 34



**KEBERKESANAN MODUL DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN
IMBUHAN meN DAN peN DALAM KALANGAN MURID SJKC**

Oleh

OOI CHWEE HWA

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,Universiti Putra
Malaysia,sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KEBERKESANAN MODUL DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN
IMBUHAN *meN* DAN *peN* DALAM KALANGAN MURID SJKC**

Oleh

OOI CHWEE HWA

Mac 2018

Pengerusi : Profesor Madya Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap penguasaan imbuhan *meN* dan *peN* murid SJKC dari segi penulisan dan menghasilkan satu modul prototaip pembelajaran imbuhan *meN* dan *peN* untuk murid SJKC. Kajian ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan yang dilaksanakan dalam 3 fasa, iaitu (1) Fasa Analisis Keperluan, (2) Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan serta (3) Fasa Penilaian Kebolehgunaan. Modul dibangunkan dengan berpandukan *Elaboration Theory of Instruction* (Reigeluth & Stein, 1983). Sampel kajian terdiri daripada 210 orang murid Tahun 2, 3 dan 4 dari 4 buah SJKC di Selangor. Kajian ini melibatkan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Soal selidik digunakan untuk mengukur persepsi murid tentang imbuhan *meN* dan *peN*, mengesahkan kandungan modul oleh panel pakar melalui Kaedah *Fuzzy Delphi* dan meninjau persepsi guru serta murid terhadap modul. Ujian pra-pasca dijalankan untuk menguji keberkesanan modul prototaip pembelajaran imbuhan *meN* dan *peN* kepada murid SJKC sebelum dan selepas penambahbaikan modul tersebut bagi menghasilkan modul sebenar. Data soal selidik dilaporkan dalam peratusan kekerapan dan Ujian-t digunakan untuk membandingkan skor ujian pra-pasca. Soal selidik telah ditadbirkan ke atas 178 orang guru BM SJK menunjukkan responden mempunyai persepsi yang positif terhadap kesesuaian modul dalam membantu penguasaan imbuhan *meN* dan *peN* murid. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan modul memberi implikasi positif dalam meningkatkan penguasaan imbuhan *meN* dan *peN* murid SJKC.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE EFFECTIVENESS OF USING MODULE IN ENHANCING
THE MASTERY OF PREFIX *meN* AND *peN* AMONG SJKC STUDENTS**

By

OOI CHWEE HWA

March 2018

Chairman : Associate Professor Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This research aims to analyze the National Chinese School (SJKC) students' mastery level of the prefixes *meN* and *peN*, in the written context. As an end product of this research, a prototype module of learning has been produced which encompasses the prefixes of *meN* and *peN* among SJKC students. This study applied design and developmental research in three phases: (1) Need Analysis Phase, (2) Design and Development Phase and (3) Evaluation Phase. Elaboration Theory of Instruction (Reigeluth & Stein, 1983) was applied to produce the learning module. The total sample of the study is 210 students consists of Year 2, Year 3 and Year 4 from four (4) SJKC in Selangor. This study involves literature study and field research. A questionnaire was used to measure student's perception of the prefixes *meN* and *peN*, verify the content of developed module using Fuzzy Delphi Method, analyze teacher's and student's perception of the learning module. The pre-test and post-test were conducted to determine the effectiveness of this prototype module prior to learning the prefixes of *meN* and *peN* and after which were then based to produce the final module. The data is presented in frequency percentage and t-test has been used to compare the score retrieved from the pre-test and post-test. The survey conducted on 178 SJK Malay language teachers showed that the respondents have positive perceptions on the suitability of the module to be used in mastering prefixes *meN* and *peN*. The research findings explained that the use of this modules has a positive implication in enhancing the mastery of the prefixes of *meN* and *peN* among SJKC students.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam yang selama ini banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang padu dalam menyelia penulisan tesis ini dari awal hingga sempurna. Tanpa tunjuk ajar beliau, penulisan ini pastinya tidak dapat saya hasilkan. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh dan Dr. Omrah bin Hassan@Hussin yang menyelia dan memberikan pandangan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini.

Seterusnya, penghargaan ditujukan kepada Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad dan Timbalan Dekan Siswazah, Prof. Madya Dr. Mohd Azidan bin Abdul Jabar serta para pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi atas curahan ilmu yang tidak ternilai harganya.

Saya turut merakamkan rasa penghargaan kepada guru besar-guru besar sekolah dan guru-guru yang sudi menjadi responden kajian serta semua pihak yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini.

Buat arwah ayah dan ibu, terima kasih kerana menjaga dan mendidik saya sehingga menjadi manusia yang berguna. Buat adik-adik tersayang, terima kasih atas sokongan padu yang diberikan. Kini penat lelah sudah membuahkan hasilnya. Syukur.

Terima kasih juga buat rakan-rakan saya, terutamanya Ng Soo Ching, Lim Lee Ping, Chung Choon Yen, Heah Yean Siong, Sudheep Ramasamy, Fum Swee Jen, Tan Li Hong dan Saw Boon Siang kerana sentiasa membantu dan memberi dorongan untuk saya terus mara ke hadapan. Sahabat handai, rakan taulan, sahabat seperjuangan, rakan-rakan yang lain diucapkan ribuan terima kasih kerana kerjasama, bantuan, dorongan dan semangat yang diberikan sepanjang pengajian ini telah dapat mengurangkan kesulitan dan kekangan yang dihadapi. Perkongsian ilmu yang kita bina amat berharga. Semoga segala usaha dan pengorbanan kita mendapat ganjaran yang sewajarnya.

Terima kasih semua.

OOI CHWEE HWA

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Vijayaletchumy A/P Subramaniam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Omrah bin Hassan@Hussin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Ooi Chwee Hwa, GS34685

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Vijayaletchumy A/P Subramaniam

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Omrah bin Hassan@Hussin

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Kronologi : Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu	1
Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua	2
Imbuhan Awalan <i>meN</i> dan <i>peN</i>	4
Pernyataan Masalah	7
Objektif Kajian	12
Persoalan Kajian	12
Batasan Kajian	13
Kepentingan Kajian	14
Definisi Operasional	15
Keberkesanan	15
Modul	16
Bahasa Melayu	16
Bahasa Pertama	16
Bahasa Kedua	16
Penguasaan Imbuhan <i>meN</i> dan <i>peN</i>	16
 2 SOROTAN KAJIAN	 17
Penguasaan BM Sebagai B2	17
Keberkesanan Modul Pembelajaran	21
Teori Elaborasi	27
Pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk & Pembangunan (DDR) dan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)	29
Imbuhan Awalan <i>meN</i> dan <i>peN</i>	33
Perkaitan Sorotan Kajian dengan Kajian Pengkaji	44
 3 METODOLOGI	 46
Reka Bentuk Kajian	46
Kerangka Teori	48
Kerangka Konseptual Kajian	55

	Kaedah Kajian	55
	Tempat Kajian	56
	Subjek Kajian	57
	Alat Kajian	58
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	59
	Tatacara Kajian	60
	Kajian Rintis	60
	Kajian Sebenar	61
	Penganalisan Data	65
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	71
	Tahap Penguasaan Imbuhan Awalan <i>meN</i> dan <i>peN</i> murid SJKC	71
	Penghasilan Modul Prototaip Pembelajaran Imbuhan Awalan <i>meN</i> dan <i>peN</i> Murid SJKC	81
	Keberkesanan Modul Prototaip Pembelajaran Imbuhan Awalan <i>meN</i> dan <i>peN</i> Kepada Murid SJKC Sebelum dan Selepas Penambahbaikan Modul Tersebut Bagi Menghasilkan Modul Sebenar	124
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	130
	Implikasi Dapatan Kajian	132
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	133
	Rumusan	133
	Cadangan	134
	Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	135
	RUJUKAN	136
	LAMPIRAN	150
	BIODATA PELAJAR	163
	SENARAI PENERBITAN	164

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Hubungan Fasa Kajian dengan Peringkat Penghasilan Modul	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	47
3.3 Komponen Strategi Elaboration Theory of Instruction	51
3.4 Tempat Kajian	57
3.5 Bilangan Subjek Kajian	57
3.6 Proses Pelaksanaan Kajian	65
3.7 Aras Persetujuan dan Skala <i>Fuzzy</i> bagi 5 Poin	67
4.1 Persepsi Murid Terhadap Imbuhan Awalan <i>meN</i> dan <i>peN</i>	75
4.2 Analisis Ujian Pra Imbuhan <i>meN</i>	77
4.3 Analisis Ujian Pra Imbuhan <i>peN</i>	78
4.4 Pencapaian Skor Ujian Pra Imbuhan <i>meN</i>	79
4.5 Pencapaian Skor Ujian Pra Imbuhan <i>peN</i>	80
4.6 Perbandingan Antara Huraian Asmah Haji Omar dan Nik Safiah Karim	83
4.7 Perbandingan Pendapat/Hujah Sarjana Terhadap Pengimbuhan <i>peN</i>	85
4.8 Kata Dasar dan Kata Berimbuhan <i>meN</i> dan <i>peN</i> dalam Buku Teks	87
4.9 Analisis Buku Teks BM Tahap 1	92
4.10 Hasil Pembelajaran Menerusi Modul Pembelajaran	94
4.11 Proses Pembangunan Modul Prototaip	96
4.12 Analisis Min dan Sisihan Piawai dalam Ujian Imbuhan <i>meN</i>	96
4.13 Analisis Min dan Sisihan Piawai dalam Ujian Imbuhan <i>peN</i>	97
4.14 Pandangan/Komen Pakar Terhadap Modul Prototaip	102
4.15 Kandungan Modul Setelah Penambahbaikan	112
4.16 Item-item Soal Selidik FDM	114

4.17	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratusan Persepakatan Pakar Item Bahagian A	115
4.18	<i>Defuzzification Process</i> Item Bahagian A	116
4.19	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratusan Persepakatan Pakar Item Bahagian B	118
4.20	<i>Defuzzification Process</i> Item Bahagian B	119
4.21	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratusan Persepakatan Pakar Item Bahagian C	120
4.22	<i>Defuzzification Process</i> Item Bahagian C	121
4.23	Analisis Dapatan Menggunakan FDM	122
4.24	Keputusan Ujian-t bagi Perbandingan Ujian Pra dan Pasca Antara Kumpulan (Tahun 3)	125
4.25	Min dan Sisihan Piawai Ujian Pasca Antara Kumpulan (Tahun 2)	125
4.26	Tahap Persepsi Guru Terhadap Modul	126
4.27	Persepsi Guru Terhadap Modul	127
4.28	Tahap Persepsi Murid Terhadap Modul	128
4.29	Persepsi Murid Tahun 2 Terhadap Modul	128
4.30	Persepsi Murid Tahun 3 Terhadap Modul	129

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Rajah Pembinaan Kata	38
2.2 Rumus Asimilasi Nasal	40
2.3 Rumus Peleburan Konsonan Obstruen Tak Bersuara	41
2.4 Rumus Peleburan Nasal	43
2.5 Rumus Penyisipan Schwa	43
3.1 Kerangka Elaboration Theory of Instruction	49
3.2 Urutan Berbentuk Topik dan Lingkaran	53
3.3 Kerangka Konseptual Kajian	55
3.4 Carta Pelaksanaan Kajian	64
3.5 Templat Jadual bagi Mendapatkan Nilai Unsur <i>Fuzzy</i>	68
3.6 Graf Segitiga Melawan Nilai <i>Triangular</i>	68
4.1 <i>Network</i> Tahap Penguasaan Imbuhan Murid	72
4.2 Bilangan Murid Yang Menggunakan Imbuhan <i>meN</i> dengan Betul	77
4.3 Bilangan Murid Yang Menggunakan Imbuhan <i>peN</i> dengan Betul	78
4.4 Strategi Urutan Berbentuk Topik	93
4.5 Penyusunan Kandungan Modul Pembelajaran Imbuhan Awalan <i>meN</i> dan <i>peN</i> (Diubah suai daripada ETI, Reigeluth & Stein, 1983)	95
4.6 Perbandingan Bilangan Murid Yang Menjawab dengan Betul dalam Ujian Pra dan Pasca (Imbuhan <i>meN</i>)	97
4.7 Perbandingan Bilangan Murid Yang Menjawab dengan Betul dalam Ujian Pra dan Pasca (Imbuhan <i>peN</i>)	100

SENARAI SINGKATAN

B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
BC	Bahasa Cina
BI	Bahasa Inggeris
BM	Bahasa Melayu
DDR	<i>Design and Developmental Research</i>
ETI	<i>Elaboration Theory of Instruction</i>
FDM	<i>Fuzzy Delphi Method</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SKBMSR	Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Kronologi : Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu

Bahasa Melayu (BM) diangkat martabatnya menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara kerana pendidikan merupakan wadah terpenting dalam menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini (Awang Sariyan, 2016). Jika disorot perkembangan kedudukan BM dalam bidang pendidikan di negara kita, BM telah mengalami perkembangan yang memberangsangkan. Kedudukan BM sebagai bahasa pengantar telah diperakui dan diiktiraf oleh Penyata Razak 1956 serta Ordinan Pelajaran 1957, dan kemudiannya diperteguh oleh Laporan Rahman Talib pada 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Seterusnya, sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan pada 1974 untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan dan membaiki pelaksanaannya. Pada 1979, laporan Jawatankuasa Kabinet diterbitkan. Pada 1982 menyaksikan bahawa BM menjadi bahasa pengantar utama pada semua peringkat persekolahan. Dalam pada itu, Akta Pendidikan 1996 telah diperkemas melalui keputusan mewajibkan kelulusan BM bagi peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (S.Nathesan, 2010).

Walau bagaimanapun, kedudukan BM mula tergugat selepas 20 tahun pelaksanaannya sebagai bahasa pengantar. Pada 2003, keyakinan terhadap keupayaan BM dalam mengungkap ilmu terhakis dengan terlaksananya dasar PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris). Namun, dasar PPSMI telah digugurkan secara bertahap mulai 2012 dan digantikan dengan dasar MBMMBI (Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris) kerana kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan PPSMI gagal meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris (BI) murid, malah penguasaan Matematik dan Sains murid turut menurun. Pada 2016, Program Imersif Tinggi (*Highly Immersive Programme*, HIP) dan Program Dwibahasa (*Dual Language Programme*, DLP) dilaksanakan di 300 buah sekolah rintis di seluruh negara (Awang Sariyan, 2016).

Pelaksanaan Dasar MBMMBI yang bermula pada 2011 di semua peringkat sekolah yang mengutamakan kepentingan penguasaan BM dan BI dalam kalangan murid telah menyetengahkan isu pemartabatan BM yang diperbincangkan sehingga kini. Dasar MBM ini lahir kerana ingin menempatkan BM pada satu tahap yang sewajarnya lagi bersesuaian dengan fungsinya sebagai bahasa kebangsaan yang berperanan sebagai instrumen perpaduan, bahasa perantaraan dan bahasa ilmu dalam usaha membina negara bangsa unggul menjelang wawasan 2020. Rasional pelaksanaan MBM ialah mengutamakan keberhasilan murid dalam penguasaan BM kerana keupayaan untuk berbahasa lebih daripada 1 bahasa dapat meningkatkan daya saing murid menjelang

alaf baharu. Matlamat untuk melahirkan masyarakat dwibahasa yang mahir dalam bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2) perlu diberikan perhatian agar mereka berupaya mencerna ilmu dalam pelbagai bidang (Zamri Mahamod & Mohd Amin Embi, 2008: 214).

Sementara itu, untuk mengatasi masalah tahap penguasaan BM yang rendah di aliran SJK (Sekolah Jenis Kebangsaan), KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) telah melaksanakan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) BM bermula 2011 untuk murid Tahun Satu dan pelaksanaan keseluruhannya untuk semua tahun pengajaran pada 2016 (Chew, 2016). Seiring dengan perkembangan semasa dan transformasi pendidikan, KPM bertindak selaku penggerak dalam usaha memurnikan kurikulum sedia ada. Penggubalan SKBMSR (Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah) yang berdasarkan prinsip KBSR (Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah) ini menjunjung peranan dan fungsi BM dalam pelbagai bidang (*Standard Kurikulum dan Pentaksiran BM SJK Tahun 4*, 2013).

Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua

Umumnya, B1 dan B2 dapat dibezakan (Zulkifley Hamid, 1996). Semua kanak-kanak bermotivasi untuk menguasai B1 mereka bagi membolehkannya berkomunikasi di persekitarannya. Hal ini adalah berlainan dengan B2 kerana setiap individu mempunyai motivasi belajar B2 yang berbeza. Walaupun dalam keadaan dimotivasikan oleh pihak ketiga, murid itu sendiri yang menentukan keinginannya untuk mempelajari bahasa selain B1 yang telah dikuasainya. Lazimnya, penguasaan B2 dalam lisan atau tulisan melibatkan amalan instruksional yang tidak wujud dalam proses pemerolehan B1 secara lisan. Oleh itu, penguasaan B2 oleh murid bukanlah satu ketentuan tetapi berkemungkinan disebabkan oleh pelbagai faktor dan keadaan. Penguasaan bahasa dalam kalangan murid bergantung pada kandungan yang dipelajari dan kadang-kala hanya nahu sesuatu bahasa yang dikuasai (Zulkifley Hamid, 1996). Kemampuan murid untuk berbahasa Melayu menerusi aktiviti PdP di sekolah memerlukan perhatian dengan mengambil kira usaha yang dilaksanakan. Dengan merujuk inti pati matlamat pendidikan BM, usaha PdP di dalam bilik darjah seharusnya dapat memberikan ruang kepada murid untuk menguasai BM (Yahya Othman, 2005).

Penguasaan BM dalam kalangan murid sudah semestinya melibatkan sistem nahu. Murid harus memahami nahu secara mendalam sebelum dapat menguasai BM. Berdasarkan SKBMSR, salah satu objektif yang tersenarai ialah murid yang mengikuti PdP SKBMSR berkeupayaan untuk menulis, bertutur dan membaca dengan menggunakan sistem bahasa yang betul sejajar dengan pembelajaran BM di sekolah yang berfokuskan kemahiran berbahasa dan kemahiran literasi. Kecekapan dalam nahu dapat meningkatkan kebolehan penulisan dan menggalakkan penulisan yang berkualiti. Perkataan *menguasai* bermaksud mengetahui dengan mendalam, menjadikan diri mahir atau berpengetahuan tentang sesuatu (*Kamus Dewan*, 1994). Oleh yang demikian, penguasaan BM bererti mendalami dan berpengetahuan tentang

nahu BM. Dengan ini, penguasaan sesuatu bahasa seharusnya menjadikan nahu bahasa itu sebagai dasar utama. Ini demikian kerana:

“Tatabahasa Melayu menjadi dasar utama bagi pemahaman terhadap sistem bahasa Melayu baku. Perkara ini seharusnya menjadi perkara utama yang diajarkan pada peringkat sekolah rendah dan menengah bagi menerapkan kecintaan terhadap bahasa di samping memantapkan penguasaan bahasa.” (Aminuddin Mansor, 2015: 16)

Berdasarkan hujah Asmah Haji Omar (2008: 3), *nahu* bermakna sistem penyusunan kata menjadi ayat. Kata ini berasal daripada bahasa Arab *nahw(un)*, yang bermakna “arah”. Sebelum kata *nahu* diambil daripada bahasa Arab, yang digunakan untuk membawa pengertian peraturan bahasa, sudah ada ungkapan *jalan bahasa* atau *selok-belok bahasa*. Kata *nahu* bertahan dengan lama dan dengan konsisten digunakan oleh Za’ba sehingga kata berkenaan menjadi bentuk yang umum dan standard sehingga awal 1972. Mulai tarikh itu dengan wujudnya kerjasama yang terbuka antara Malaysia dengan Indonesia, kata *tatabahasa* yang lazim digunakan di Indonesia mulai diterima pakai oleh ahli linguistik di Malaysia. Perkataan ini juga bermaksud “peraturan bahasa”, kerana *tata* yang dipetik dari bahasa Jawa itu bermakna “mengatur”. Hadirnya kata *tatabahasa* tidak bermakna matinya *nahu* kerana kedua-dua perkataan itu boleh dianggap sebagai sinonim.

Maka, kajian ini menggunakan istilah *nahu* disebabkan kelebihan yang ada padanya. Pertamanya, bentuknya yang ringkas. Adalah menjadi satu pedoman dalam bidang ilmu, jika ada dua pilihan dalam memberikan penyelesaian kepada sesuatu masalah, maka penyelesaian yang lebih ringkas itulah yang dipilih. Kedua, bentuk kata *nahu* yang ringkas itu memungkinkan pewujudan kata terbitan dengan lebih rapi menerusi proses pengimbuhan, misalnya *kenahuan* dibandingkan dengan *ketatabahasaan*. Ketiga, kata *nahu* sudah menjadi warisan yang jauh lebih lama di bumi Malaysia jika dibandingkan dengan *tatabahasa* (Asmah Haji Omar, 2008: 3-4).

Menurut Yahya Othman (2005: 7), PdP bahasa diyakini mustahak dalam usaha mengisi keperluan murid untuk mendalami bahasa. BM memerlukan cara khusus untuk dikuasai dalam kalangan murid Cina. Dalam konteks pendidikan, penguasaan bahasa berkait rapat dengan amalan instruksional dalam PdP. Oleh itu, pembelajaran bahasa di sekolah rendah menjadi asas penguasaan bahasa kepada murid sebelum proses pemantapan bahasa melalui penggunaan bahasa dalam persekitarannya. Bagi Krashen (1981), pembentukan B2 mempunyai kaitan dengan penguasaan murid pada B2. Pembelajaran hanya wujud dalam konteks menguasai nahu secara formal (Yahya Othman, 2005: 17).

Fries (1945) dan Lado (1957) berpendapat bahawa sesuatu kesilapan yang kerap dilakukan oleh seseorang murid adalah disebabkan oleh pengaruh kuat bahasa ibundanya dalam proses pembelajaran B2. Lado (1957) berpendapat bahawa murid

berkecenderungan untuk melakukan pemindahan aspek B1 dalam B2 sewaktu mempelajari B2. Pembelajaran bahasa dapat berlaku dengan mudah kerana bahasa dapat dipindahkan dengan senang apabila pola, bentuk dan penyebaran B1 sama dengan B2. Akan tetapi, murid akan gagal melakukan pemindahan bahasa sekiranya fungsi dan pola yang terdapat pada B1 dan B2 mempunyai ketidaksamaan. Situasi sebegini menyukarkan murid sehingga mereka melakukan kesilapan (Noor Zila Md. Yusuf, 2015).

Penguasaan BM mungkin tidak menimbulkan masalah yang besar dalam kalangan murid sekiranya BM merupakan B1 ataupun bahasa ibunda kepada murid tersebut. Sebaliknya, ia menjadi satu cabaran kepada murid bukan Melayu, khususnya murid Cina yang mempelajari BM sebagai B2. Berlainan dengan BM, BC (bahasa Cina) telah diperoleh sejak mereka masih bayi (Elliot, 1987). Oleh kerana B1 diperoleh melalui pemerolehan bahasa manakala B2 diperoleh melalui pembelajaran bahasa, maka murid dapat menggunakan B1 dengan betul tanpa melalui pendidikan formal malah menguasainya secara semula jadi. Namun, murid memerlukan pengajaran/pendidikan formal untuk mempelajari B2 tetapi belum pasti berjaya (Zulkifley Hamid, 2005: 26).

Kajian lepas (Noor Zila Md. Yusuf, 2015; Arulnathan, 2013; Amir Juhari & Noor Zila Md. Yusuf, 2012; Norsimah Mat Awal *et al.*, 2012; Nor Zaiton Hanafi *et al.*, 2008; Zainiah Senan *et al.*, 2008; Zamri & Mohd Amin Embi, 2008; Norela Abdollah *et al.*, 2008) telah memberikan perhatian dan tumpuan terhadap tahap penguasaan BM sebagai B2 dalam kalangan murid. Tahap penguasaan BM telah dilihat dan dikaji melalui banyak tatattingkat nahu. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek pengimbuhan berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini perlu diambil perhatian dan dititikberatkan kerana ia merupakan asas dalam sistem nahu BM. Tanpa memahaminya, murid sukar untuk menguasai BM.

Imbuhan Awalan *meN* dan *peN*

Antara ciri sejagat dalam proses pemerolehan bahasa adalah seperti kerumitan morfofonem yang mempengaruhi proses pemerolehan kanak-kanak terhadap imbuhan yang berkenaan (Juriah Long, 1993). Maka, elemen morfofonologi memainkan peranan yang penting dalam proses penguasaan BM sebagai B2, terutamanya dalam kalangan murid Cina di SJKC (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina). Elemen morfofonologi perlu difahami bukan hanya kerana proses itu merumitkan tetapi kerana perubahan tersebut mempunyai implikasi tertentu dalam pembelajaran bahasa. Adalah sukar untuk kanak-kanak sama ada penutur BM sebagai bahasa ibunda atau B2 untuk mengenali perubahan morfofonologi (Abdullah Hassan, 1986: 46). Hal ini kerana penutur B1 dan B2 adalah berlainan dari segi konteks pemerolehan bahasa. Dalam konteks ini, B1 dikaitkan dengan pemerolehan sesuatu bahasa manakala B2 dikaitkan dengan pembelajaran sesuatu bahasa.

Dalam sistem nahu BM, morfem ialah unit nahu bermakna yang paling kecil kerana tidak ada unit lain yang terletak di bawahnya pada tatatingkat nahu. Fonem tidak ditakrifkan sebagai unit nahu walaupun fonem lebih kecil daripada morfem kerana fonem dilihat sebagai unit bahasa yang tidak mendukung makna, tetapi hanya membezakan makna. Dengan itu, morfem membawa kepada kata, kata membawa kepada frasa, frasa membawa kepada klausa dan klausa membawa kepada ayat. Sebaliknya, ayat tercipta daripada unsur klausa, klausa tercipta daripada frasa, frasa tercipta daripada kata dan kata tercipta daripada morfem (Asmah Haji Omar, 2009). Justeru, morfem diletakkan pada tempat yang paling bawah dalam tatatingkat nahu BM seperti berikut:

ayat
klausa
frasa
kata
morfem

Ini memberikan gambaran bahawa morfem merupakan asas dalam nahu BM. Oleh yang demikian, unit morfem yang merupakan asas perlu dikuasai oleh murid agar membolehkan mereka menggunakan BM dengan betul, lebih-lebih lagi murid yang mempelajari BM sebagai B2. Pertamanya, morfem dalam BM dapat digolongkan sebagai *morfem bebas* dan *morfem terikat*. Misalnya, dalam perkataan *membawa*, *bawa* ialah morfem bebas kerana dapat berdiri dengan sendiri sebagai kata manakala *mem-* merupakan morfem terikat disebabkan tidak boleh berdiri sendiri sebagai kata tetapi morfem lain diperlukan untuk mendirikan kata. Keduanya, morfem boleh dilihat dari segi sama ada *akar* atau *imbuhan*. Akar ialah bahagian kata yang dasar apabila semua morfem imbuhan telah ditanggalkan. Imbuhan ialah morfem terikat yang dicantumkan kepada akar yang bersifat morfem bebas.

Berdasarkan struktur dan komposisi morfem, perkataan dalam BM dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu *kata mudah* dan *kata terbitan*. Kata mudah terbentuk daripada satu morfem bebas, misalnya *air*, *besar*, *jatuh*, *makan* dan lain-lain. Semua kata mudah itu, secara kebetulan ialah kata akar. Kata terbitan pula terdiri daripada 2 atau lebih morfem. Kewujudan morfem itu ialah hasil daripada proses morfologi yang telah berlaku kepada sesuatu kata. Proses tersebut boleh terdiri daripada salah satu proses morfologi yang wujud dalam BM, iaitu pemajmukan, penggandaan dan pengimbuhan. Proses ini dilakukan kepada bentuk *dasar*. Dalam hal ini, dasar ialah bentuk kata yang diimbuhkan dengan awalan, akhiran mahupun apitan ketika proses pengimbuhan ataupun bentuk yang dirangkumkan dengan kata lain dalam pemajmukan dan penggandaan (Abdullah Hassan, 1986).

Maka, kata akar yang menjadi dasar kepada sesuatu proses pengimbuhan mempunyai pengaruh tertentu dalam menentukan bentuk morfofonologi yang akan timbul. Lazimnya, perubahan bunyi yang berlaku dalam proses pengimbuhan dilihat lebih

merumitkan jika dibandingkan dengan proses penggandaan dan pemajmukan. Oleh yang demikian, perincian yang wujud dalam perubahan bunyi harus difahami oleh pendidik dan murid, di samping mengenali bentuk perubahan bunyi dengan lebih jelas dan mengetahui semua kekecualiannya. Dalam erti kata lain, murid tidak dapat menguasai BM sekiranya tidak menyedari pewujudan morfem yang disebut alomorf (suatu morfem menghasilkan satu alomorf ataupun lebih daripada satu) atau varian morfem yang kemudiannya menjurus kepada morfofonologi.

Morfofonologi membawa kepada perubahan bunyi apabila dua morfem yang berlainan dicantumkan untuk menghasilkan perkataan baru. Perubahan bunyi itu berkemungkinan untuk menimbulkan bunyi baru, menggugurkan bunyi lama ataupun menyesuaikan bunyi lama (Abdullah Hassan, 2006). Namun, bukan semua morfem yang bercantum membawa kepada perubahan bunyi. Lazimnya, huruf *p*, *t*, *k* dan *s* akan membawa kepada perubahan bunyi jika diimbuhkan kepada awalan *meN* dan *peN* (Nik Safiah Karim *et al.*, 2014). Ini boleh dihuraikan dengan terdapat beberapa imbuhan kata nama dan kata kerja dalam BM yang mengalami perubahan bunyi apabila imbuhan tersebut hadir dalam konteks fonologi yang tertentu (Juriah Long, 1993: 5). Morfofonologi biasanya berlaku dalam proses pengimbuhan dan penggandaan manakala proses pemajmukan hanya melibatkan sedikit perubahan bunyi seperti dalam hal pengguguran vokal tertentu dalam tulisan. Terdapat 4 jenis perubahan bunyi yang berlaku dalam proses pengimbuhan dari aspek ejaan dan satu lagi perubahan bunyi, iaitu Penduaan Konsonan tidak diberikan lambang huruf dalam ejaan (Abdullah Hassan, 1986):

i. Penyengauan

Morfofonologi terjadi apabila awalan *meN* dan *peN* berlaku kerana wujudnya unsur bunyi atau suku kata sengau antara imbuhan tersebut dengan kata dasar. *N* bertindak sebagai morfofonem yang timbul apabila dua morfem bertembung. *N* akan menjadi *ø*, *m*, *n*, *ny*, *ng* atau *nge* berdasarkan huruf awal pada kata dasar tersebut.

ii Penggetaran

Ada 3 imbuhan yang mengandungi unsur getaran *R*, iaitu *peR*, *teR* dan *beR*. Simbol *R* berlaku perubahan bunyi apabila awalan tersebut diimbuhkan kepada kata dasar dalam proses penerbitan. Unsur *R* gugur apabila kata dasar berpangkalkan *r*.

iii Penggeluncuran

Unsur geluncuran *w* timbul apabila *-an* dan *-i* diimbuhkan kepada kata dasar yang berakhir dengan vokal *u* diftong *au*. Walau bagaimanapun, unsur *w* tersebut hanya wujud dalam sebutan dan digugurkan dalam ejaan. Unsur geluncuran *y* pula timbul apabila *-i* diimbuhkan kepada kata dasar yang berakhir dengan diftong *ai*.

iv. Pengglotisan

Unsur glotis wujud apabila imbuhan *-an* dan *-i* diimbuhkan kepada kata dasar yang berakhir dengan vokal *a*. Misalnya, perkataan ‘sukai’ yang disebut ‘sukaʔi’. Unsur ʔ yang timbul itu tidak dilambangkan dalam ejaan.

Antara 4 jenis perubahan bunyi yang berlaku dalam proses pengimbuhan seperti dinyatakan di atas, penggunaan imbuhan awalan *meN* sukar dikuasai oleh murid (Ooi, 2014). Menurut Abdullah Hassan (2006), perubahan bunyi apabila imbuhan awalan *meN* dan *peN* digunakan melibatkan unsur bunyi sengau yang boleh ditimbulkan dan dihilangkan antara imbuhan tersebut dengan kata dasar. Huruf pangkal kata dasar akan menentukan unsur huruf yang akan gugur dan unsur huruf sengau yang akan timbul.

Misalnya, apabila morfem *meN* digandingkan dengan kata dasar, akan memperlihatkan perubahan pada bentuk *meN*, iaitu bentuk ini dapat berubah menjadi *me*, *mem*, *men*, *meng*, *menge* dan *meny*. Setiap bentuk itu merupakan anggota kepada bentuk *meN* kerana makna sintaksis setiap bentuk adalah sama. Di samping itu, setiap satunya juga menjalankan fungsi yang sama, iaitu sebagai predikat ayat. Asmah Haji Omar (2009) menjelaskan bahawa awalan *peN* mengandungi unsur sengau yang kuat dan berkeupayaan untuk berkembang pada lingkungan yang lain. Kemunculan alomorf-alomorf *meN* adalah menurut satu siri perubahan yang sama dengan pewujudan alomorf-alomorf bagi *peN*. Awalan *meN* dapat menghasil dan menerbitkan perkataan baharu, malahan dapat mengubah jenis golongan kata tertentu jika dicantumkan dengan kata nama, kata sifat dan kata kerja yang berkaitan.

Pernyataan Masalah

Kertas penulisan mata pelajaran BM SJKC Batu 14, Selangor memperlihatkan penurunan peratus lulus untuk 3 tahun berturut-turut dalam UPSR, iaitu 77.8% (2011), 77.1% (2012) dan 67.9% (2013). Statistik ini membayangkan pencapaian 32.1% murid (2013) yang gagal hanya berada pada tahap minimum. Salah satu kriteria penskoran pencapaian tahap minimum yang digariskan dalam kertas penulisan BM UPSR ialah murid tidak menguasai kemahiran tanda baca dan ejaan. Kesalahan ejaan seperti kesalahan penggunaan imbuhan awalan kerap ditemukan (Noor Zila Md. Yusuf, 2015), malah kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh murid mencatatkan peratusan tertinggi (39.71%) berbanding dengan kesalahan kata ganda, kata sendi nama dan kata hubung (Nor Zaiton Hanafi *et al.*, 2008; Zamri dan Mohd Amin Embi, 2008). Hasil kajian awal (Ooi, 2014) turut mendapati bahawa murid mengimbuhan awalan yang salah pada perkataan *gunakan* dengan alomorf *men* dan *me*. Didapati bahawa sebilangan murid Tahap 2 dalam kalangan sampel kajian memberikan jawapan yang salah. Begitu juga dengan perkataan *basuh*, sebahagian besar sampel kajian memberikan jawapan yang salah dengan memilih imbuhan *men* sebagai jawapan. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa murid tidak menguasai proses pengimbuhan, terutama sekali imbuhan awalan *meN*.

Jika disorot kajian lampau, selain sikap murid Cina terhadap pembelajaran BM, faktor persekitaran pembelajaran dan ibu bapa yang tidak mengambil berat pelajaran murid turut menyebabkan murid-murid Cina di SJKC gagal menguasai sebutan dan penulisan BM (Chew & Lee, 2009). Selain itu, kesilapan penggunaan imbuhan awalan dengan meletakkan imbuhan yang tidak tepat pada kata tunggal tersebut seperti *hitung* diimbuhkan dengan *men-* menjadi *menhitung* (*menghitung*) (Noor Zila Md. Yusuf, 2015) menunjukkan tahap penguasaan imbuhan yang rendah dalam kalangan murid. Pencapaian murid sekolah menengah dalam pembelajaran BM sebagai B2 di 5 negeri (Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak) secara majoritinya didapati masih pada tahap yang kurang memberangsangkan dan lebih 20% lagi dianggap lemah (Norsimah Mat Awal *et al.*, 2012). Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek pengimbuhan sukar dikuasai oleh murid Cina. Kesalahan meletakkan kata berimbuhan sering dilakukan oleh subjek kajian bukan Melayu kerana setiap bahasa mempunyai struktur tatabahasa yang berlainan (Zainiah Senan *et al.*, 2008). Sejauh ini kajian menjelaskan bahawa bukan hanya murid sekolah rendah dan sekolah menengah yang menghadapi masalah pengimbuhan, malah penggunaan imbuhan BM turut menjadi permasalahan yang perlu ditangani dalam kalangan pelajar universiti dari luar negara di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dalam menghasilkan penulisan. Mereka dikesan tidak mempunyai kefahaman tentang cara menggunakan imbuhan dan hanya membuat tanggapan yang menyebabkan mereka kerap melakukan kesilapan dalam pengimbuhan (Salinah Jaafar & Rohaidah Haron, 2016).

Sekiranya berlaku keadaan seperti guru-guru BM lebih gemar menjalankan aktiviti PdP dengan berpusatkan guru tanpa menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) ataupun hanya menjalankan PdP secara konvensional tanpa bahan bantu belajar (BBB) (Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail, 2013), maka buku teks merupakan satu-satunya rujukan yang boleh digunakan oleh murid untuk mempelajari penggunaan imbuhan di sekolah. Biarpun murid mendapat pendedahan terhadap kata berimbuhan awalan *meN* melalui buku teks, namun didapati bahawa murid masih tidak menguasai penggunaan imbuhan awalan *meN*. Analisis kata berimbuhan awalan *meN* dan *peN* dalam buku teks BM aliran SJK Tahap 1 iaitu Tahun 1, 2 dan 3 mempunyai perbezaan yang ketara dari segi jumlah bilangan. Sejumlah 283 kata berimbuhan awalan *meN* dikesan dalam buku teks BM SJK Tahap 1 dan 60 kata berimbuhan awalan *peN*. Dengan ini, jika beranalogikan situasi imbuhan awalan *meN*, maka murid mungkin juga tidak menguasai penggunaan imbuhan awalan *peN* kerana kemunculan alomorf-alomorf *meN* adalah sama dengan munculnya alomorf-alomorf bagi *peN* (Asmah Haji Omar, 2009). Oleh yang demikian, pemerhatian harus dimulakan dari bawah tatattingkat nahu BM. Pengetahuan tentang penggunaan imbuhan *meN* dan *peN* dalam kalangan murid harus diambil berat dan dikesan, memandangkan awalan *meN* dan *peN* mempunyai 6 alomorf yang memainkan peranan penting dalam pemahaman dan penulisan BM. Hal ini telah membentuk persoalan kajian.

SKBMSR (Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah) digubal dengan matlamat mengutamakan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. SK dan SP berlandaskan kepada

kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum. Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan SK dan SP yang perlu dikuasai oleh murid. SK ialah pernyataan tentang bidang ilmu yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. SP ialah pernyataan tentang penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pencapaian murid bagi setiap standard kandungan. Dengan ini, DSKP (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran) BM SJK Tahun 1 telah menggariskan SK: 5.2 Memahami dan menggunakan pembentukan kata mengikut konteks dan SP: 5.2.1 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan kata berimbuhan awalan mengikut konteks sebagai objektif yang perlu dikuasai oleh murid SJKC Tahun 1.

Dalam pada itu, kajian lalu menunjukkan murid Tahun 6 SJKC (Zainiah Senan *et al.*, 2008) dan murid Cina Tingkatan 5 SMK (Nor Zaiton Hanafi *et al.*, 2008) masih mengalami kerumitan dalam aspek pengimbuhan awalan meskipun berlainan peringkat persekolahan. Situasi sebegini sememangnya mencetuskan kebimbangan kerana SK 5.2 dan SP 5.2.1 yang digariskan dalam DSKP BM SJK Tahun 1 belum dikuasai oleh murid Tahun 6 dan murid sekolah menengah. Selain peranan dan tanggungjawab guru, buku teks serta buku aktiviti memainkan peranan dalam PdP BM Tahap 1 di sekolah. Semua murid Tahap 1 SJKC (Tahun 1, 2 dan 3) dibekalkan buku teks dan buku aktiviti bagi mata pelajaran BM di sekolah. Buku aktiviti merupakan bahan sokongan kepada buku teks kerana menyediakan latihan dan aktiviti berdasarkan kepada kandungan pengajaran dalam buku teks. Sementara itu, murid Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6) hanya dibekalkan dengan buku teks BM.

Berdasarkan penganalisan terhadap buku teks dan buku aktiviti BM Tahap 1, analisis mendapati bahawa jumlah halaman dalam buku teks dan buku aktiviti BM Tahap 1 yang menerangkan penggunaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* secara keseluruhannya hanya 10 muka surat, iaitu hanya 2 muka surat dalam buku teks Tahun 1, 1 muka surat dalam buku aktiviti Tahun 1, 1 muka surat dalam buku teks Tahun 2, 1 muka surat dalam buku aktiviti Tahun 2, 2 muka surat dalam buku teks Tahun 3 dan 3 muka surat dalam buku aktiviti Tahun 3. Daripada analisis, murid hanya didedahkan kepada 3 alomorf (*me*, *men* dan *mem*) awalan *meN* dalam buku teks Tahun 1. Selain itu, cara penggunaan 3 alomorf (*meng*, *meny* dan *menge*) yang selebihnya tidak didedahkan kepada murid. Dapatan ini membayangkan bahawa pembelajaran imbuhan melalui buku teks menghasilkan murid yang menguasai pengetahuan BM dalam bentuk yang kurang utuh (Zulkifley Hamid, 2005). Murid seharusnya difahamkan dengan kata dasar dan imbuhan sebelum mempelajari cara pengimbuhan pada Tahap 1. Walaupun tidak banyak perubahan bunyi yang terjadi apabila berlaku pengimbuhan, namun perubahan bunyi memang rumit (Abdullah Hassan, 2006).

Selain perubahan bunyi, murid juga harus memahami cara pengimbuhan yang dipengaruhi oleh bunyi pertama pada kata dasar (Asmah Haji Omar, 2009). Namun, buku teks Tahun 1 didapati tidak menerangkan sebarang perubahan bunyi yang berlaku dalam pengimbuhan dan tidak menjelaskan cara pengimbuhan yang dipengaruhi oleh bunyi pertama pada kata dasar. Cara penggunaan 3 alomorf (*meng*,

meny dan *menge*) yang selebihnya juga tidak didedahkan kepada murid dalam buku teks Tahun 2. Dalam buku teks Tahun 2, murid hanya perlu mengenal pasti penggunaan dua kata berimbuhan *meN* dalam ayat (*membawa* dan *meminta*) dan melengkapkan peta bulatan dengan dua kata berimbuhan *meN* tersebut. Pendedahan ini dilihat tidak dapat menjelaskan suatu gambaran yang menyeluruh terhadap penggunaan imbuhan *meN* dan *peN* kepada murid Tahun 2.

Dalam buku teks Tahun 3 pula, murid dikehendaki memahami dan menggunakan 4 perkataan *membawa*, *meminta*, *menanam* dan *membantu* dengan betul. Di samping itu, murid dikehendaki menyenaraikan 3 perkataan *mengikut*, *menunggu* dan *melihat* yang terdapat daripada teks dan membina ayat menggunakan perkataan tersebut. Walau bagaimanapun, tidak dijelaskan perubahan bunyi yang terjadi ke atas pengimbuhan *menanam* dan *menunggu* yang diimbuhkan pada alomorf *men* serta cara penggunaan 2 alormorf (*meny* dan *menge*) yang selebihnya juga tidak didedahkan kepada murid dalam buku teks Tahun 3. Dapatan ini turut menjelaskan bahawa perlunya penghasilan modul pembelajaran yang lengkap dari segi kandungan, tunjuk cara pengimbuhan dan aktiviti peneguhan untuk membantu penguasaan imbuhan murid SJKC. Penggunaan bahan PdP yang berkesan dapat membantu murid mempelajari BM.

Penggunaan bahan PdP yang berkesan dapat membantu murid mempelajari BM sebagai B2. Bahan pembelajaran wajar dipelbagaikan untuk kegunaan murid ke arah meningkatkan kualiti pembelajaran. Misalnya, pembelajaran melalui modul didapati berkesan dalam membantu literasi kanak-kanak Taska (Juppri Bacotang & Zainiah Mohamed Isa, 2016), pemulihan akhlak dalam kalangan pelatih di Baitul Ehsan Sabak Bernam (Haslinda Masian, 2016), pembelajaran berasaskan projek dalam kalangan pelajar politeknik (Siti Nur Kamariah Rubani, 2016), Pendidikan Islam dalam kalangan murid Tingkatan 4 (Md Noor Saper *et al.*, 2016) dan pelajar Politeknik Brunei Darussalam (Aliff Nawi *et al.*, 2015), bimbingan konsep sendiri dalam kalangan murid Tahun 5 (Yusni Mohamad Yusop *et al.*, 2015), kemahiran daya tindak dan kemenjadian murid Tingkatan 4 (Azmiza Ahmad *et al.*, 2014), bacaan dalam kalangan murid sekolah rendah (Tuzana Mohamad, 2014), tingkah laku keusahawanan murid orang asli (Mohd Hasril Amiruddin, 2014), tahap motivasi murid sekolah menengah (Nurul Fatin Muhamad Arsad, 2013), multimedia Kimia untuk pelajar universiti (Saripah Salbiah Syed Abdul Azziz *et al.*, 2013) dan olahan pelbagai deria kanak-kanak disleksia (Noor Hayati Che Mat, 2012). Oleh itu, keberkesanan modul dalam pembelajaran mendorong pengkaji untuk membangunkan modul pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN* bagi kegunaan murid SJKC. Modul yang dihasilkan sewajarnya dapat menerangkan cara penggunaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* secara khusus dan memberikan contoh serta latihan kepada murid. Lantas, perkara ini membuka ruang kepada pengkaji untuk menghasilkan satu modul yang dapat membantu murid dalam meningkatkan penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* yang selaras dengan persoalan kajian.

Reka bentuk kajian eksperimental ujian pra dan ujian pasca yang melibatkan satu kumpulan kawalan dan satu kumpulan rawatan berupaya mengesan keberkesanan rawatan, di samping membandingkan keputusan ujian antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan (Nor Aizal Akmal, 2015; Azmiza Ahmad *et al.*, 2014; Mohd Hasril Amiruddin, 2014; Saripah Salbiah Syed Abdul Azziz *et al.*, 2013). Namun, jenis eksperimen ujian pra dan pasca untuk satu kumpulan (tanpa kumpulan kawalan) juga dapat menguji keberkesanan modul (Maziah Mohd Sapar *et al.*, 2012). Dalam reka bentuk kajian ini, proses kerjanya adalah sama dengan kumpulan rawatan dalam kajian eksperimental yang melibatkan satu kumpulan kawalan dan satu kumpulan rawatan. Ujian pra dilaksanakan sebelum penggunaan modul dalam kalangan sampel kajian. Setelah itu, ujian pasca dilaksanakan selepas penggunaan modul selesai.

Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira kesan penerimaan modul yang mungkin berbeza untuk murid Tahap 1 dan Tahap 2, maka ujian eksperimental dijalankan sebelum penambahbaikan modul untuk meninjau keberkesanan penggunaan modul dalam kalangan murid Tahun 4. Sekiranya penggunaan modul prototaip tersebut memperlihatkan peningkatan skor dalam ujian pasca berbanding ujian pra, maka dapat dikatakan bahawa modul prototaip tersebut dapat membantu murid Tahap 2 dan boleh diuji dalam kalangan murid Tahap 1. Oleh itu, untuk menguji keberkesanan modul selepas penambahbaikan modul bagi menghasilkan modul sebenar, reka bentuk kajian eksperimental pra – pasca yang melibatkan satu kumpulan kawalan dan satu kumpulan rawatan dijalankan untuk meninjau keberkesanan modul ke atas murid Tahun 3 manakala reka bentuk eksperimental ujian pasca dengan kumpulan kawalan dan rawatan dijalankan ke atas murid Tahun 2 kerana reka bentuk kajian ini merupakan kajian eksperimental yang mudah, malah memiliki kesahan dalaman yang tinggi (Chua, 2006).

Maka, murid dapat mempelajari pengimbuhan awalan *meN* dan *peN* menerusi satu modul pembelajaran sebagai satu kaedah pembelajaran BM yang berkesan. Modul tersebut akan menjadi satu alat perantara dalam membantu murid memahami pengimbuhan awalan *meN* dan *peN* dan terhasilnya interaksi linguistik. Oleh itu, tahap keberkesanan penggunaan modul pembelajaran ini memberikan ruang kepada pengkaji untuk membuat perbandingan sebelum dan selepas penambahbaikan modul dalam meningkatkan penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* murid SJKC. Menyedari jurang kajian ini, satu penyelidikan wajar dijalankan untuk menilai keberkesanan pembelajaran melalui modul bagi meningkatkan penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* murid Tahap 1 dan 2 SJKC.

Objektif Kajian

1. Menganalisis tahap penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* murid SJKC dari segi penulisan.
2. Menghasilkan satu modul prototaip pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN* untuk murid SJKC.
3. Menguji keberkesanan modul prototaip pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN* kepada murid SJKC sebelum dan selepas penambahbaikan modul tersebut bagi menghasilkan modul sebenar.

Persoalan Kajian

Soalan kajian dinyatakan mengikut 3 fasa yang terlibat kerana dapatan setiap fasa kajian akan dapat mencapai objektif kajian. Fasa 1 menentukan Objektif 1, Fasa 2 menentukan Objektif 2 dan Fasa 3 menentukan Objektif 3.

Fasa Analisis Keperluan

1. Apakah tahap penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* murid dari perspektif guru?
2. Apakah persepsi murid terhadap imbuhan awalan *meN* dan *peN*?
3. Apakah tahap penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* murid dari segi penulisan?

Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

1. Apakah huraian imbuhan awalan *meN* dan *peN* yang sesuai untuk murid SJKC?
2. Apakah kata dasar dan kata berimbuhan awalan *meN* dan *peN* yang terdapat dalam buku teks Tahap 1?
3. Apakah reka bentuk modul pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN* yang sesuai untuk murid SJKC?
4. Apakah tahap keberkesanan modul prototaip dalam kalangan murid?
5. Apakah kandungan modul pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN* yang sesuai menurut pandangan pakar?
6. Apakah kesepakatan pakar terhadap kandungan modul pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN* selepas penambahbaikan?

Fasa Penilaian Kebolegunaan

- 1 Apakah tahap keberkesanan modul pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN* dalam kalangan murid selepas penambaan modul?
- 2 Apakah persepsi guru-guru BM SJK terhadap modul pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN*?
- 3 Apakah persepsi murid Tahun 2 dan 3 terhadap modul pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN*?

Batasan Kajian

Kajian ini hanya membincangkan pengimbuhan jenis penyengauan, iaitu perubahan bunyi yang berlaku apabila awalan *meN* dan *peN* digunakan. Dalam hal ini, perubahan bunyi tidak dibincangkan menurut jenis kata seperti kata kerja, kata nama dan lain-lain, malahan imbuhan dan kata yang terlibat tidak akan diberikan label golongannya. Kajian ini hanya membincangkan huraian tentang awalan *meN* dan *peN* yang dilakukan oleh 5 orang sarjana, iaitu Nik Safiah Karim *et al.* (2014), Asmah Haji Omar (2009), Abdullah Hassan (2006), Darwis Harahap Mohamad (1996) dan Hashim Haji Musa (1993). Seterusnya, satu daripada lima huraian yang didapati bersesuaian dengan kefahaman murid dijadikan dasar kepada modul pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN*.

Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan modul pembelajaran yang kemudiannya digunakan untuk membantu murid dalam meningkatkan penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN*, yang mana berbeza dengan modul pengajaran untuk kegunaan guru. Hal ini bermakna murid mengamalkan pembelajaran sendiri melalui modul yang dibangunkan. Penyusunan kandungan dalam modul mendapat pengesahan pakar agar guru tidak perlu mengendalikan PdP untuk mengajar murid menggunakan modul tersebut. Oleh yang demikian, guru di sekolah adalah tidak terbeban dengan pembekalan modul pembelajaran ini. Dengan modul yang dibangunkan menggunakan *Elaboration Theory of Instruction* (ETI) ini, murid boleh belajar dalam tempoh waktu tertentu yang difikirkan sesuai dengan kemampuan dan potensinya. ETI berasal dari *Elaboration Theory* (ET), satu model penyusunan dan penstrukturan bahan pengajaran yang dibangunkan oleh Charles Reigeluth dan rakan-rakan (Reigeluth, Merrill & Wilson, 1979). Memandangkan ET berperanan dalam penyelidikan kognitif, maka Reigeluth telah memperhalus ET kepada *Procedural, Planning and Design of Conceptual* (Reigeluth & Darwazeh, 1982), dan *Instruction* (Reigeluth & Stein, 1983). Oleh itu, dalam kajian ini, ETI (Reigeluth & Stein, 1983) digunakan untuk menyusun dan menstruktur modul.

Selain itu, kajian ini berfokuskan murid yang mempunyai pencapaian sederhana atau lemah dalam BM kerana pengkaji memilih subjek kajian dari kelas yang telah disaring oleh pihak sekolah berdasarkan pencapaian murid dalam peperiksaan mengikut tahap. Murid aliran Tahun 1 (transisi dari prasekolah), Tahun 5 (persediaan menghadapi UPSR) dan Tahun 6 (calon UPSR) adalah dikecualikan dalam pemilihan kelas. Hal

ini dicadangkan oleh pihak sekolah agar tidak menimbulkan kesulitan kepada perancangan dan pengurusan sekolah. Kajian ini difokuskan dalam penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* dengan modul yang mempunyai dua fungsi, iaitu (1) pembelajaran: murid Tahap 1 dapat mempelajari penggunaan imbuhan berbantuan modul dan (2) pemulihan: masalah murid Tahap 2 yang tidak mahir menggunakan imbuhan dapat diatasi dengan modul. Walau bagaimanapun, modul yang dihasilkan ini adalah berbentuk buku memandangkan secara realitinya, terdapat isi rumah di pinggir bandar yang tidak mampu mencapai kualiti hidup, malah antara item sukar untuk dicapai oleh isi rumah ialah menggunakan internet di rumah dan ada komputer di rumah (Wan Maznah Wan Harun *et al.*, 2016).

Dalam kajian ini, modul dibangunkan dengan menggunakan Pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR). DDR dikategorikan kepada kajian pembangunan Jenis 1 dan Jenis 2 (Richey, Klien & Nelson, 2004). Kajian pembangunan Jenis 1 melibatkan fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian yang berupaya membangunkan output yang bersifat instruksional seperti modul, model dan kerangka. Kajian pembangunan Jenis 2 pula hanya melibatkan fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian yang biasa digunakan untuk menjalankan ujian perbandingan antara dua model. Untuk itu, kajian ini menggunakan pendekatan DDR Jenis 1. Fasa penilaian kebolegunaan yang boleh dilihat berdasarkan kepada 3 aspek (keberkesanan, kecekapan dan kepuasan pengguna) diubah suai kepada 2 aspek, iaitu keberkesanan modul dan kepuasan pengguna (persepsi guru dan murid) (Millano & Ullius, 1998).

Kajian ini mengambil masa selama 3 tahun (Jan 2015 – Dis 2017) untuk disiapkan. Fasa 2 mengambil masa yang lebih panjang berbanding Fasa 1 dan 3 kerana Fasa 2 merangkumi eksperimen peringkat pertama untuk meninjau keberkesanan modul prototaip sebelum diteruskan dengan proses penambahbaikan modul. Rasional eksperimen peringkat pertama dijalankan adalah untuk menyakinkan guru dan pengkaji sendiri bahawa modul yang dibangunkan dapat membawa kesan kepada penguasaan imbuhan murid. Terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan ke atas modul prototaip berdasarkan kepada pandangan yang dikemukakan oleh para pakar terhadap kandungan modul. Walau bagaimanapun, pengkaji berupaya memurnikan modul dalam tempoh 15 bulan sebelum mendapatkan pengesahan para pakar.

Kepentingan Kajian

Aspek kesalahan bahasa tidak boleh diketepikan dalam PdP bahasa, terutamanya BM. Kesalahan bahasa yang wujud memberikan petunjuk bahawa murid mempunyai tahap kefahaman sistem bahasa yang rendah. Sekiranya kesalahan yang dilakukan seperti pengimbuhan dilihat sebagai perkara kecil, maka perkara yang dianggap kecil inilah yang akan memudaratkan proses pembelajaran. Penggunaan imbuhan yang betul dan bermakna dapat mencorakkan pembelajaran BM yang bermakna kerana setiap unsur dalam sistem nahu bahasa adalah saling berkait. Dengan menguasai imbuhan, barulah

perkataan ataupun ayat yang dituturkan atau dituliskan berupaya menyampaikan maksud dan dari sudut berlainan, mampu memahami maksud perkataan atau ayat yang dituju kepadanya (Salinah Jaafar & Rohaidah Haron, 2016).

Kajian ini penting untuk menarik perhatian warga pendidik dalam meneliti isu penguasaan BM. Terdapat kemungkinan berlakunya beberapa situasi yang mana pendidik mengabaikan pengajaran imbuhan kerana kekurangan latihan dalam buku teks dan buku aktiviti, ataupun tidak mementingkan pengajaran imbuhan kerana mengejar sukatan pelajaran, ataupun tidak mempunyai ilmu tentang imbuhan kerana diarahkan untuk mengajar BM walaupun bukan opsyen BM. Tanpa disedari, kemungkinan-kemungkinan tersebut akan mendatangkan implikasi yang cukup besar kepada murid. Jika murid tidak mahir menggunakan imbuhan, mustahil dia dapat mengikut pembelajaran seterusnya dan hanya berada pada tahap yang sama tahun demi tahun. Pengimbuhan awalan *meN* dan *peN* harus dititikberatkan untuk meningkatkan kefahaman murid dalam aspek penguasaan BM sebagai B2. Hal ini seterusnya dapat membantu murid untuk menerima ilmu yang disampaikan dengan kaedah pembelajaran bahasa yang lebih berkesan dan mengelakkan mereka terus ketinggalan dalam pembelajaran BM.

Hasil kajian ini juga dapat membantu penutur BM sebagai B2 untuk lebih mengetahui pengimbuhan awalan *meN* dan *peN* dan kerumitan yang dihadapi. Menerusi kajian ini, semua pihak dapat menggunakan modul sebagai satu kaedah pembelajaran yang berkesan dan membantu dalam usaha penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN*. Penutur/murid boleh belajar pengimbuhan awalan *meN* dan *peN* bukan sahaja dalam keadaan formal, malahan dalam keadaan tidak formal seperti di rumah atau di mana juga. Murid yang agak lemah berpeluang mengulang kaji berpandukan modul. Modul yang terhasil daripada kajian ini dapat bertindak sebagai bahan bantu belajar dalam kalangan murid Tahap 1 yang membantu pembelajaran manakala ia bersifat pemulihan jika digunakan dalam kalangan murid Tahap 2 yang lemah dalam pengimbuhan.

Definisi Operasional

Keberkesanan

Keberkesanan dan kesan berbeza makna. Keberkesanan ialah terhasilnya suatu perubahan ke atas pelaku yang mempunyai kriteria yang boleh diukur. Dalam kajian ini, keberkesanan merujuk setakat mana modul yang dibangunkan dapat meningkatkan penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* dalam kalangan murid. Hasil pencapaian murid dalam ujian pasca dapat menentukan keberkesanan modul. Nilai skor min yang lebih tinggi dalam ujian pasca setelah penggunaan modul menunjukkan keberkesanan modul dalam meningkatkan penguasaan imbuhan awalan *meN* dan *peN* murid.

Modul

Modul dapat membantu murid mengamalkan pembelajaran sendiri kerana modul melalui proses perancangan pendekatan PdP yang dapat digunakan secara maksimum dan dilengkapi dengan isi pembelajaran. Dalam kajian ini, modul dibangunkan oleh pengkaji untuk membantu pembelajaran imbuhan awalan *meN* dan *peN* secara khusus yang bertindak sebagai rawatan dalam eksperimen. Pembangunan modul berasaskan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research*) melalui 3 fasa dan berpandukan *Elaboration Theory of Instruction*.

Bahasa Melayu

Dalam kajian ini, BM merujuk subjek atau mata pelajaran yang diajarkan di sekolah. Murid SJKC mempelajari BM sebagai B2 melalui pendidikan formal di sekolah. Murid dikehendaki mengambil 2 kertas BM, iaitu Pemahaman BM dan Penulisan BM dalam UPSR dan wajib lulus. Murid yang gagal dalam mata pelajaran BM perlu memasuki kelas peralihan di sekolah menengah.

Bahasa Pertama

Bahasa pertama (B1) merujuk kepada bahasa yang digunakan oleh seseorang penutur sebagai bahasa ibundanya. Secara umumnya, B1 mula dikuasai oleh seseorang kanak-kanak sejak berusia 18 bulan dan proses pemerolehan ini biasanya sudah mencapai tahap penguasaan yang agak memadai apabila seseorang kanak-kanak mencapai usia lima tahun. Dalam kajian ini, B1 merujuk kepada BC.

Bahasa Kedua

Bahasa kedua (B2) bermaksud bahasa yang dipelajari dan digunakan oleh seseorang di samping bahasa ibundanya. Dalam kajian ini, B2 merujuk kepada BM yang dipelajari dan digunakan oleh murid Cina di sekolah rendah tetapi ini tidak membataskan takrif B2 kepada satu bahasa sahaja. Seseorang boleh mempunyai satu atau beberapa B2.

Penguasaan Imbuhan *meN* dan *peN*

Penguasaan merujuk perihal menguasai yang bermaksud mengetahui dengan mendalam, mahir dan berpengetahuan tentang sesuatu. Penguasaan BM merangkumi kemahiran murid dalam sistem nahu BM yang terdiri dari aspek fonologi, morfologi, sintaksis serta penulisan karangan. Dalam kajian ini, penguasaan merujuk kepada keadaan yang mana murid dapat mengenal pasti, memahami dan menggunakan imbuhan awalan *meN* dan *peN* dengan betul. Murid dikatakan menguasai penggunaan imbuhan sekiranya dapat menjawab soalan imbuhan *meN* dan *peN* dengan betul.

RUJUKAN

- Ab Halim Sulong. (2009). Tahap Kecekapan Guru-Guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dalam Pengurusan dan Pengajaran Kelas PPKI. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. UKM, Bangi.
- Ab. Razak Ab. Karim & Muhammad Saiful Haq bin Hussin. (2011). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar di Islamic Santitham Foundation School (ISFS). Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 22, 18-44.
- Abdul Chaer. (2007). Kajian Bahasa: Struktur Internal, Pemakaian dan Pemelajaran. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdul Ghafar, M.N (2004). Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol. 3, Bil. 2: 49-63
- Abdullah Hassan. (1982). Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1986). Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Abdullah Hassan. (1989). 'Standardisasi Bahasa: Isu dan Masalah Penggunaan Bahasa Malaysia' dalam Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader (penyelenggara). Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia (hlm 1-15). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2006). Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Adler, M. & Ziglio, E. (1996). Gazing Into The Oracle: The Delphi Method And Its Application To Social Policy and Public Health. London: Jessica Kingsley Publisher.
- Ahmad Khair Mohd Nor. (2011). Persoalan Tatabahasa Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aliff Naw, Gamal Abdul Nasir Zakaria, Norkhairiah Hashim, & Chua Chy Ren. (2015). Penilaian Kualiti Modul iPBL: Aspek Kesahan dan Kebolehpercayaan. Journal of Quality Measurement and Analysis JQMA Jurnal Pengukuran Kualiti Dan Analisis, 11(2), 1-10. Retrieved from http://www.ukm.my/jqma/v11_2/jqma-11-2-paper1.pdf

- Alsagof, S.A. (1986). Psikologi Pendidikan II-Psikologi Pembelajaran dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling. Kuala Lumpur: Heinemann.
- Ambigapathy Pandian, et al. (2010). Pancadimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Trend dan Amalan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Amir Juhari & Noor Zila Md. Yusuf. (2012). Kaedah Berkesan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. Prosiding PMIOL 2012: International Seminar of Pedagogy of Malay, Indonesian and Other Languages. Bandung: Universiti Pendidikan Indonesia.
- Analysis of Three Instructional Design Models. [Online]. From: http://www.dereference.com/PhDFinalPapers/CT_3IDModels.pdf
- Arba'ie Sujud, Mohd. Amin Arshad & Che Ibrahim Haji Salleh. (2011). Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arulnathan Virurasam. (2013). Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua oleh Pelajar India: Strategi Pembelajaran dan Pemindahan Bahasa. Tesis Ijazah Dr. Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. (1978). Pengajaran Bahasa Malaysia dalam Konteks Perancangan Bahasa Kebangsaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (2009). Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2011). Pembudayaan Bahasa dan Pembentukan Rupa Bangsa. Dalam Arba'ie Sujud, et al. Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu (hlm 3-59). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2016). Mencari Makna Diri Melayu. Renungan untuk Bangsa Melayu Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Hasan, Mohd Nur Hafiz F. & Mohd Shahril M. H. (2017). Application of Fuzzy Delphi Approach Determining Element in Technical Skills among Students towards the Electrical Engineering Industry Needs. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities* 25 (S), 1 – 8. Universiti Putra Malaysia Press.
- Azmiza Ahmad, Saemah Rahman & Ruslin Amir. (2014). Keberkesanan Modul IDEA-i Terhadap Kemahiran Daya Tindak dan Kemenjadian Murid. *Proceeding of the Social Sciences Research*, 685–689.

- Baker, E. L. and O'Neil, H.F. (1994). *Technology Assessment in Education and Training*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Bedore, L. M., Peña, E. D., Gillam, R. B., & Ho, T. H. (2010). Language Sample Measures and Language Ability In Spanish-English Bilingual Kindergarteners. *Journal of Communication Disorders*, 43(6), 498–510. doi:10.1016/j.jcomdis.2010.05.002
- Bedore, L. M., Peña, E. D., Joyner, D., & Macken, C. (2011). Parent and Teacher Rating Of Bilingual Language Proficiency And Language Development Concerns. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 14(5), 489–511. doi:10.1080/13670050.2010.529102
- Bedore, L. M., Peña, E. D., Summers, C. L., Boerger, K. M., Resendiz, M. D., Greene, K., Bohman, T. M., & Gillam, R. B. (2012). The Measure Matters: Language Dominance Profiles Across Measures In Spanish–English Bilingual Children. *Bilingualism: Language and Cognition*, 15(03), 616–629. doi:10.1017/S1366728912000090
- Berliner, D. C. (2001). Learning About And Learning From Expert Teachers. *International Journal Of Educational Research*, 35, 463-482.
- Betts, M. (1998). *Developing The Credit-Based Modular Curriculum In Higher Education*. Hong Kong: Biddles Ltd.
- Bitetti, D. (2016). *Language Dominance and The Language, Literacy, and Early Math Of Spanish-English Bilingual Preschoolers*. ProQuest Dissertations and Theses.
- Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun 1 Sekolah Jenis Kebangsaan. (2011). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Penulis: Kamaruddin Jeon, Nurfarah Lo Abdullah, Mohd Hata Abu Bakar, Ahmad Khair Mohd Nor.
- Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun 2 Sekolah Jenis Kebangsaan. (2011). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Penulis: Mashudi Bahari, Abdul Rahman Che Ngah, Mohd Hata Abu Bakar
- Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun 3 Sekolah Jenis Kebangsaan. (2012). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Penulis: Nurfarah Lo Abdullah, Mohd Nasar Sukor.
- Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun 1 Sekolah Jenis Kebangsaan. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Penulis: Ang Chia Fong, Rahmat Ibrahim, Abdul Rahman Kamil Abu Naim, Anisah Azian Haji Mohd Yusub.
- Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun 2 Sekolah Jenis Kebangsaan. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Penulis: Abdul Rahman Kamil Abu Naim, Siti Sarah Abdul Malik, Siti Hajar Abdul Aziz.

- Campbell, E. & Storch, N. (2011). The Changing Face Of Motivation: A Study Of Second Language Learners' Motivation Over Time. *Australian Review of Applied Linguistics*, 34(2), 166-192.
- Chang, P.L., Hsu, C.W., Chang, P.C. (2011). Fuzzy Delphi Method For Evaluating Hydrogen Production Technologies. *International Journal of Hydrogen Energy*, 36, 14172-14179.
- Chen, C. T. (2000). Extensions Of The TOPSIS For Group Decision-Making Under Fuzzy Environment. *Fuzzy Sets and Systems*, 114, 1-9.
- Cheng, C.H. & Lin, Y. (2002). Evaluating The Best Main Battle Tank Using Fuzzy Decision Theory With Linguistic Criteria Evaluation. *European Journal of Operational Research*, 142(1), 74-86.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 6, Bil. 2: 10-22.
- Chew Fong Peng & Lee Tan Luck. (2009). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Cina dan Melayu di Kuala Terengganu. 2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning amongst Non-Native Speaker: Language Competence and Performance. 2-3 Disember, UiTM, Shah Alam.
- Chu, H. C. & Hwang, G. J. (2008). A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems with application*: 34:28, 26-40.
- Chua Yan Piaw. (2006). Buku 1: Kaedah dan Penyelidikan. Shah Alam: McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2006). Buku 2: Asas Statistik Penyelidikan. Shah Alam: McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2006). Buku 3: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal. Shah Alam: McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Corder, S.P. (1981). *Error analysis and interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Darwis Harahap bin Mohamad. (1996). *Pembinaan Kata Kerja dari Sudut Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Degeng, I Nyoman Sudana, (1988). *Pengorganisasian Pengajaran berdasarkan Teori Elaborasi dan Pengaruhnya Terhadap Perolehan belajar Informasi Verbal dan Konsep*. Desertasi untuk memperoleh gelar doktor di bidang Teknologi Pengajaran FPS IKIP Malang, tidak diterbitkan

Degeng, I Nyoman Sudana, (1990). Disain Pembelajaran: Teori ke Terapan. Projek penulisan Bukuteks FPS IKIP Malang.

Dick and Carey Model. [Online]. From:
http://www.instructionaldesign.org/models/dick_carey_model.html

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran BM SJK Tahun 1. (2016). KPM: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran BM SJK Tahun 4. (2013). KPM: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Elliot. A.J. (1987). Child Language. Cambrigde University Press.

Ellis, T. J. & Levy, Y. (2008). Framework Of Problem-Based Research: A Guide For Novice Researchers On The Development Of Reasearch-Worthy Problem. Informing Science: The Internasional Journal of an Emerging Transdiscipline, 11, 17-33

Ellis, T. J. & Levy, Y. (2010). A Guide for Novice Reseachers: Design and Development Research Methods, Proceedings of Informing Science & IT Education Conference (InSITE) 2010.

Endang, S. (2010). Pengembangan Modul. Indonesia: Open Education Resources.

Fa'izah Abd.Manan, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. (2010). Kerangka Pembangunan dan Penilaian Modul Belajar Cara Belajar Bahasa Melayu Pelajar Asing Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 2 (2). pp. 64-76. ISSN 1985-5826

Fries, C.C. (1945). Teaching and Learning English as a Foreign Language. Chicago: University of Chicago Press.

Habibah @ Artini Binti Ramlie. (2017). Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah'. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Haliday, M.A.K. (1975). Learning How To Mean Explorations in the Development of Language. London: Edward Arnold.

Hashim Haji Musa. (1993). Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu: Suatu Huraian Dari Sudut Tatabahasa Generatif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haslinda Masian. (2016). Keberkesanan Modul Kerohanian Pemulihan Akhlak Remaja Di Baitul Ehsan Daerah Sabak Bernam,Selangor. Proceedings of the International Conference on Education towards Global Peace.

- Henry Guntur Tarigan. (1985). Pengajaran Morfologi. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Hepford, E. A. (2017). Dynamic Second Language Development: The Interaction Of Complexity, Accuracy, And Fluency In A Naturalistic Learning Context. Temple University Electronic Dissertations and Theses.
- Hussin, S. et al. (2005). Pentadbiran dalam Pembangunan Pendidikan. Batu Caves: PTS Profesional.
- Imran Ho Abdullah dan Hazimah Yusof. (2015). Produktiviti Imbuhan Mem-, Memper- Dan Memper-Kan: Pendekatan Linguistik Korpus. Jurnal Bahasa Jilid 15 Bil. 1, 41-62.
- J L, "Elaboration Theory (Reigeluth)," in Learning Theories, July 24, 2014, <https://www.learning-theories.com/elaboration-theory-reigeluth.html>. Elaboration Theory (Reigeluth). [Online]. From: <https://www.learning-theories.com/elaboration-theory-reigeluth.html>
- Jeng, D. J. F. & Tzeng, G. H. (2012). Social Influence On The Use Of Clinical Decision Support Systems: Revisiting The Unified Theory Of Acceptance And Use Of Technology By The Fuzzy DEMATEL Technique. Computers & Industrial Engineering, 62(3), 819-828.
- Jeniri Amir. (2009). Bahasa Negara dan Bangsa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John T.J. (1995). Morfologi Struktur Kata Dalam Nahu Generatif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnson, S.D. and Aragon, S.R. An Instructional Strategy Framework for Online Learning Environments. [Online]. From: http://ldt.stanford.edu/~educ39105/paul/articles_2005/An%20Instructional%20Strategy%20Framework%20for%20online%20instruction_Johnson_Aragon.pdf
- Jos Daniel Parera. 1994. Morfologi Bahasa Edisi Kedua. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Juppri Bacotang dan Zainiah Mohamed Isa. (2016). Aplikasi Model ADDIE dalam Pembangunan Modul Awal Literasi (Modul A-Lit) untuk Kanak-kanak TASKA. 1st International Teacher Education Conference on Teaching Practice (ITECTP), 8-10/10/16.
- Juriah Long. (1993). Pemerolehan Imbuhan pada Peringkat Prasekolah dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Juriah Long, Raminah Sabran dan Sofiah Hamid. (1994). Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.

Kamus Dewan Edisi Ketiga. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kowch, 2003. Asynchrhonous Class & Online Content: Making Content Decisions in An Instructional Design or Plan: Elaboration Theory. [Online]. From: <http://people.ucalgary.ca/~ekowch/673/mar6/mar6lesson.html>

Kowch, E.G. Promising Instructional Strategies for Alberta Teachers. [Online].From:https://www.researchgate.net/publication/237670948_Promising_Instructional_Strategies_for_Alberta_Teachers

Krashen, S.D. (1981). Second Language Acquisition and Second Language Learning. Oxford: Pergamon Press.

Lado, R. (1957). Linguistics Across Cultures: Applied Linguistics for Language Teachers. Ann Arbor: Chicago of Michigan Press.

Larson, M. B., & Lockee, B. B. (2014). Streamlined ID: A Practical Guide To Instructional Design. Oxon: Routledge.

McKenney, S., & Reeves, T. C. (2012). Conducting educational design research. New York: Routledge.

Maziah, M. S., Nubli, A. W., & Firdaus, M. K. (2012). Keberkesanan Modul LINUS berbantuan Terapi Biofeedback EmWave terhadap Murid-Murid, di Zon Chenor, Pahang. Prosiding Seminar Internasional Pasca Siswazah Pendidikan Khas UKM-UPI Siri II 2012, (Pierce), 110–120. Retrieved from <http://umpir.ump.edu.my/4400/>

Md Noor Saper, Nurul Ain Mohd Daud, & Norazani Ahmad. (2016). Kesahan dan kebolehpercayaan Modul I-Sc (Islamic Spiritual Counseling) ke atas pelajar bermasalah tingkah laku. International Journal of Islamic Thought, 9(June), 32–43. Retrieved from www.ukm.my/ijit

Milano, M. & Ullius, D. (1998). Designing powerful training, The Sequential_iterative Model. Jossey-Bass/Pfeiffer. A wiley Company, San Franscisco.

Mohd Hasril Bin Amiruddin. (2014). Keberkesanan Modul Asas Keusahawanan Bercirikan Strategi Pembelajaran Masteri Terhadap Pelajar Orang Asli. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Majid Konting. (2009). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Nazri Abdul Rahman, Mohamad Muhidin Patahol Wasli, Zanariah Ahmad, Aniza Mohd Said, Saedah Siraj, Norlidah Alias & Zaharah Hussin. (2014). Aplikasi Pendekatan Fuzzy Delphi untuk Membangunkan Pembelajaran Kanak-Kanak Homeschooling Menggunakan Media Animasi Interaktif. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Bil. 2 Isu 4.
- Mohd Paris bin Saleh. (2016). Model Pengajaran M-Pembelajaran Berasaskan Kaedah Inkuiri Mata Pelajaran Sejarah Peringkat Menengah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Farazila Yusof, Nurulrabihah Mat Noh, Zaharah Hussin dan Ahmad Arifin Sapar. (2015). Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Elemen Keusahawanan Bagi Pensyarah Kejuruteraan Politeknik Malaysia. International Journal of Business and Technopreneurship, Volume 5, No. 1, pp 135-150.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh dan Ahmad Arifin Sapar. (2017). Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan. Bangi: Minda Intelek Agency.
- Mohd Syukri Zainal Abidin, Che Zarrina Sa'ari dan Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2017). Analisis Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Psikoterapi Zikir Dalam Meningkatkan Motivasi Kanak-Kanak Autistik Muslim. The Online Journal Of Islamic Education, Vol. 5, Issue 2.
- Nabilah Abu Bakar. (2011). Sejauh Mana Elemen-Elemen Pengajaran Guru Mengikut Modul Pentaksiran dalam Sesi Amali di Bengkel. Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional. http://eprints.uthm.edu.my/2577/1/SEJAUH_MANA_ELEMEN-ELEMEN_PENGAJARAN_GURU.pdf
- Nathesan. S. (2010). Pendekatan dan Teknik Pendidikan Bahasa Melayu Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1981). Pencemaran Bahasa Malaysia dan Kesannya terhadap Pembelajaran Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, et al. (2014). Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Aizal Akmal Binti Rohaizad. (2015). Keberkesanan Modul Pengajaran dan Pembelajaran dalam Perkembangan Kecerdasan Emosi Murid-Murid Prasekolah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Psikologi Pendidikan). Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

- Norela Abdollah, Zaleha Masiman dan Zamri Mahamod. (2008). Pengaruh Sikap dalam Pemelajaran Bahasa Pertama dan Kedua dalam Kalangan Pelajar Cina. Dalam Zamri Mahamod. Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu (hlm 380-405). Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Noorhayati Alias. (2004). Analisis Kesalahan Penggunaan Imbuhan dalam Karangan Pelajar PMR. (Latihan Ilmiah). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Noor Hayati Che Mat. (2012). Kesan Olahan Aktiviti Pelbagai Deria dalam Penguasaan Perkataan oleh Kanak-kanak Disleksia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Noor Zila Md.Yusuf. (2015). Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Norsimah Mat Awal, Nadrah Abu Bakar dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2012). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua: Pengungkapan Idea dalam Penulisan Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Jurnal Melayu (9), 96-105.
- Nor Zaiton Hanafi, Nor Azura Mohd Salleh dan Zamri Mahamod. (2008). 'Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Pelajar Cina Ketika Belajar Bahasa Melayu' dalam Zamri Mahamod. Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu (hlm 117-145). Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Nunanally, J. C. & Bernstein, I. H. (1994). Psychometric Theory (3rd Ed). New York, NY: McGraw-Hill.
- Nunamaker, J. F., Chen, M., & Purdin, T. D. M. (1991). Systems Development In Information Systems Research. Journal of Management Information Systems, 7(3), 89-101.
- Nurahimah Mohd Yusoff & Muhammad Nidzam Yaakob. (2016). Analisis Fuzzy Delphi Terhadap Halangan Dalam Pelaksanaan Mobile Learning Di Institut Pendidikan Guru. Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 11.
- Nurhadi dan Roekhan. (1990). Dimensi-dimensi Dalam Belajar Bahasa Kedua. Bandung: Penerbit Sinar Baru.
- Nurul Fatin Muhamad Arsad. (2013). Pembinaan Modul Motivasi Bagi Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Master Sains. Universiti Putra Malaysia.
- Nurulrabihah Mat Noh, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Zaharah Husin & Ahmad Arifin Sapar. (2015). Design Of Guidelines On The Learning Psychology In The Use Of Facebook As A Medium For Teaching & Learning In Secondary School. The Turkish Online Journal of Educational Technology, 14(1), 39-44.

- Nurulrabihah Mat Noh, Siti Hajar Abd Razak, Norlidah Alias, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Zaharah Hussin. (2013). Usage of Facebook: The Future Impact of Curriculum Implementation on Students in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 103, 1261-1270.
- Nyoto, Amat. (1999). Pengaruh Pengorganisasian Modul, Gaya Kognitif dan Locus Of Control terhadap Keefektifan Pembelajaran IPA di SLP Terbuka di Kotamadya Malang. dalam <http://www.malang.ac.id/jurnal/lain/JPK/1999a.htm> diunduh 18 Juni 2008.
- Ooi, C. H. (2014). Pengaruh Bahasa Pertama dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina. *Jurnal Pertanika Mahawangsa* 1(2): 273-287.
- Pappas, C. The Dick and Carey Instructional Design Model. [Online]. From: <http://www.slideshare.net/CPappasOnline/the-dick-and-carey-instructional-design-model>
- Preliminary Report Malaysia Education Blueprint 2013-2025. (2012). [Online]. From: <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-Eng.pdf>
- Reigeluth, C. M. (1983). *Instructional Design Theories And Models: An Overview Of Their Current Status*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum
- Reigeluth, C. M. (1992). Elaborating the elaboration theory. *Educational Technology Research & Development*, 40(3), 80-86. Reigeluth, C. M. (in press). Scope and Sequence Decisions for Quality Instruction.
- Reigeluth, C. M. (1999). The elaboration theory: Guidance For Scope And Sequence Decisions. *Instructional Design Theories And Models: A New Paradigm Of Instructional Theory*, 2, 425-453.
- Reigeluth, C. M. & Darwazeh, A.N. (1982). The Elaboration Theory's Procedure For Designing Instruction: A conceptual approach. *Journal of Instruction Development*, 5, 22-32.
- Reigeluth, C. M., Merrill, M.D., & Wilson, B.G. (1979). *The Structural Strategy Diagnostics Profile Project: Final Report*. Provo, UT: David O. McKay Institute, Brigham Young University.
- Reigeluth, C. M., & Stein, R. (1983). Elaboration Theory. *Instructional-Design Theories And Models: An Overview Of Their Current Status*, 335-381.
- Richey, R. C. & Klein. J.D. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies and Issues*. London: Erlbaum.

- Richey, R. C., Klein, J.D. & Nelson, W. A. (2004). Developmental Research: Studies of Instructional Design And Development. In D. H. Jonassen, Handbook Of Research for Educational Communications And Technology (1099-1130). New York: Simon & Schuster Macmillan.
- Rohaidah Haron. (2015). Analisis Kesilapan Bahasa Melayu dalam Penulisan Pelajar Asing: Suatu Perbincangan. Kertas kerja, Seminar Pengajaran Bahasa Melayu, School of Liberal Arts, Walailak University, Nakhon Si Thammarat, Thailand, Jun.
- Rozita Che Rodi. (2008). Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu Pelajar Prauniversiti. (Kertas Projek Master). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Roselan Baki. (2003). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Rusell, J.D. (1974). Modular Instruction: A Guide to the Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials. United States: Publishing Company.
- Sabitha Marican. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar- Pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan Di Akademi Pengajian Melayu. Jurnal Melayu Bil. 15(2):196 209
- Sarbi, 2018. Pengaruh Metode Mind Mapping Dalam Strategi Elaborasi Terhadap Kemampuan Menulis Karangan https://Nanopdf.Com/Download/1-Pengaruh-Metode-Mind-Mapping-Dalam-Strategi_Pdf#
- Saripah Salbiah Syed Abdul Azziz, Asmahani Ahmad Suhairun, Salihan Siahs, Othman Talib, Nor Zuhaidah Mohamed Zain, Tengku Putri Norisah Tengku Shariman, Nor'ain Mohd. Tajudin, Nurul Aini Bakar dan Kamaruzaman Jusoff. (2013). Keberkesanan Modul Multimedia Kimia Organik: Mekanisme Tindak Balas SN1 DAN SN2. Asia Pasific Journal Of Educators and Education, Vol.28, 53–68.
- Scoping and Positioning A Topic. [Online]. From: <https://www.flinders.edu.au/teaching/teaching-strategies/curriculum-development/topic-curriculum-development/scoping-and-positioning-a-topic.cfm>
- Shariza Said. (2017). Pembangunan Modul Latihan Pendidikan Seksualiti Untuk Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Peringkat Sekolah Rendah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Sidin, R. (1998). Pemikiran dalam Pendidikan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

- Siti Norsyahida Mohd A Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh. (2015). Penggunaan Bahasa Dalam Laman Blog Dari Aspek Morfologi. *Journal of Business and Social Development* Volume 3(2), 34-50.
- Siti Nur Kamariah Binti Rubani. (2016). Pembangunan dan Keberkesanan Modul Perancangan Berstruktur dalam Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Pengetahuan dan Kemahiran Bagi Projek Mesin Larik Pelajar Politeknik. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Siti Sundari Miswadi, Murbangun Nuswowati, Wasi'ah. (2009). Pengaruh Pembelajaran Elaborasi Terhadap Hasil Belajar Kimia Siswa SMA. *Jurnal Inovasi Pendidikan Kimia*, Vol . 3 No.1, 2009, hlm 373-378.
- Smith, P.L. and Ragan, T.J. (2005). *Instructional Design* (3rd Edition). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Spoelman, M. & Verspoor, M. (2010). Dynamic Patterns In Development Of Accuracy And Complexity: A Longitudinal Case Study In The Acquisition Of Finnish. *Applied Linguistics*, 31(4), 532-553.
- Suprianto, Eko. 2002. Peningkatan Prestasi Belajar melalui Penerapan Model Pembelajaran Elaborasi (Studi Eksperimen Pengorganisasian Bahan Perkuliahan pada Jurusan Biologi FKIP UMS. *Jurnal Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial*. Vol 3.No. 1, 2002: 62 – 74.
- Tang, C.W. & Wu, C.T. (2010). *Obtaining A Picture Of Undergraduate Education Quality: A Voice From Inside The University*. Springer. Higher Education 60: 269-286.
- Tavakoli, P. & Foster, P. (2011). Task Design And Second Language Performance: The Effect Of Narrative Type On Learner Output. *Language Learning* 61(1), 37-72.
- The Dick and Carey Model – 1978. [Online]. From: http://www.nwlink.com/~donclark/history_isd/carey.html
- Tinah. (2010). Pengaruh Model Pembelajaran Elaborasi Metode PQ4R Terhadap Hasil Belajar Matematika Siswa. Skripsi Jurusan Pendidikan Matematika, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Syarif hidayatullah Jakarta.
- Trianto. 2007. *Belajar dan Pembelajaran: ModelModel Pembelajaran Inovatif Berorientasi Konstruktivisme*. Jakarta : Prestasi pustaka. Darsono, MA. 2002. Semarang : IKIP Press.
- Tuzana Binti Mohamad. (2014). Keberkesanan Modul Bacaan Bergred Bagi Membantu Murid LINUS Tegar Dalam Kemahiran Membaca KVKV. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Sains Malaysia

- Wan Maznah Wan Harun, Azahan Awang dan Shamsuddin Man. (2016). Kualiti Hidup dan Tahap Pendidikan Isi Rumah di Pinggir Bandar di Malaysia: Satu Penerokaan Isi Rumah di Mukim Rawang II, Selangor. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 9: 92 - 103
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahya Othman, Roselan Baki & Naapie Mat. (2009). *Pemeriksaan Pendidikan Bahasa Melayu dari Teori ke Praktik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Yong Chyn Chye. (2012). *Strategi Mahasiswa Antarabangsa dalam Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing dari Perspektif Psikolinguistik*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Yulia Ayriza. (2008). *Penyusunan dan Validasi Modul Social Life Skill Bagi Pendidik Anak-Anak Prasekolah*. *Jurnal Penelitian Dan Evaluasi Pendidikan*, Nomor 2, 213-231.
- Yusni Mohamad Yusop, Melati Sumari, Fatanah Mohamed, Ahmad Fathy Ibrahim & Krishamoorthy a/l Muniandy. (2015). *Kebolegunaan modul bimbingan kelompok konsep sendiri: kesan terhadap pelajar*. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*, 8, 157–170.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong. (2006). *Fonologi Autosegmental: Penerapannya pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainiah Senan, Mahanum Abd. Karim, Zuraidah Saat dan Zamri Mahamod. (2008). *Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama dan Kedua Di Sekolah Rendah dalam Zamri Mahamod. Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu (hlm 146-169)*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, et al. (2009). *Penelitian Bahasa & Budaya Melayu: Teori dan Aplikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zamali Tarmudi, Fatihah Anas Muhiddin, Munirah Rossdy dan Nowyannie Willie D. Tamsin. (2016). *Fuzzy Delphi Method For Evaluating Effective Teaching Based On Students' Perspective*. *e-Academia Journal UiTMT*, Vol 5 Issue 1.
- Zamri Mahamod. (2008). *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.

Zamri Mahamod. (2011). 'Memperkukuh Proses Pemelajaran Bahasa Melayu melalui Strategi Pemelajaran Bahasa' dalam Arba'ie Sujud, et al. *Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu* (hlm. 329-372). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2008). 'Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Pelajar Bukan Melayu: Satu Kajian Kes' dalam Zamri Mahamod. *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu* (hlm 214-262). Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.

Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Berdasarkan Sikap dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 38-51.

Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifley Hamid. (1996). *Bahasa, Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifley Hamid. (2005). *Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.